



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/07/48 (HQ)

MAJLIS MESRA AIDILFITRI TNB 2017 DISAMBUT MERIAH

Majlis Mesra Aidilfitri TNB 2017 menjadi lebih istimewa dengan kehadiran Datuk Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Ibu Pejabat TNB, di sini, hari ini.

Kesudian Perdana Menteri dan isteri meluangkan masa, memberi peluang kepada warga kerja TNB di sekitar Lembah Klang, termasuk pesara LLN dan TNB beramah mesra dengan pucuk pimpinan negara.

Kemeriahan majlis yang bermula jam 1:00 petang ini turut diserikan dengan persembahan artis-artis jemputan seperti penyanyi Asmidar menerusi lagu raya TNB ‘Ceria Di Hari Raya’ serta persembahan Dato Nash.

Para tetamu juga berpeluang bertemu dengan pelakon iklan TNB, #DugaanRaya Aida serta keluarga dan kumpulan Puteh, Maharaja Lawak.

Turut hadir Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Seri Ir Azman Mohd, Ahli Lembaga Pengarah serta barisan pengurusan tertinggi TNB.

Di majlis yang sama, TNB meraikan 80 orang anak-anak yatim dalam kalangan TNB. Majlis penyerahan sumbangan disempurnakan oleh Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie.

“Majlis yang diadakan setiap tahun ini bertujuan meraikan dan mengeratkan hubungan silaturahim dan menjalin kemesraan seluruh warga kerja TNB,” kata Leo Moggie.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 1:00 petang, 17 Julai 2017

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau emel ke media@tnb.com.my*